


Bahagian A

[30 markah]

*Soalan ini mesti dijawab.**Maklumat di bawah adalah berkaitan tentang kemalangan di jalan raya di negara kita.**Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang kemalangan jalan raya.**Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.*

**Kelajuan punca utama
kemalangan - Fadillah**

oleh ABU BAKAR
ABU BAKAR
KUALA LUMPUR

agar berjaya ketika
Kedah Pengarah
Lengkap Lahirnya
Maklupa C.M.M.
Pindah ke Kuala

negara dengan monev
rap di kawasan terbit
saya kembali ada
satu-satunya di Kuala
Selangor di Kuala



Man, jalan di kampung kita kerap berlaku kemalangan.

Oh, perkara ini berlaku kerana keadaan jalan yang rosak teruk.

SULIT

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1. Masalah disiplin murid seperti buli dan vandalisme kerap menjadi bahan perbincangan dalam kalangan masyarakat dan media. Oleh itu, masalah disiplin murid-murid ini patut ditangani dengan cara ibu bapa sentiasa memantau anak-anak, pihak sekolah memperketat peraturan di sekolah dan media massa mengetengahkan kesan masalah disiplin kepada murid.

Dipetik dan diubah suai: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan cara-cara menangani masalah tersebut dalam kalangan murid sekolah.

2. KUALA LUMPUR: Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, YB. Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, sebanyak 29 batang sungai daripada keseluruhan 672 batang sungai di negara kita dikenal pasti tercemar tahun lalu. Pelbagai tindakan perlu dilakukan dengan segera untuk menangani masalah ini termasuklah mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127).

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, 13 Jun 2023

Selain tindakan yang dinyatakan di atas, bincangkan tindakan-tindakan untuk menangani masalah tersebut.

SULIT

3. Akhir-akhir ini, semangat patriotik atau perasaan cinta akan tanah air dalam kalangan remaja di negara kita semakin luntur. Para remaja sekarang mudah terpengaruh dengan perilaku negatif sehingga alpa untuk menghayati semangat ini. Oleh hal yang sedemikian, pelbagai pihak perlu memainkan peranan bagi menyemai semangat ini dalam jiwa kalangan remaja.

Dipetik dan diubah suai : bukuteksdigital.my

Sebagai respon terhadap petikan di atas, huraikan peranan-peranan untuk menyemai semangat tersebut dalam diri remaja.

4. GOPENG: Persepsi kurang tepat terhadap bidang pertanian menjadi punca golongan belia kurang berminat untuk menceburi bidang tersebut. Walaupun sebenarnya bidang ini memberikan pelbagai manfaat kepada rakyat dan negara seperti membuka peluang pekerjaan dan menjamin bekalan makanan negara mencukupi. Komoditi pertanian seperti minyak kelapa sawit, getah dan koko turut menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Utusan Malaysia, 22 Jun 2023

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan manfaat-manfaat sektor tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT